SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEMPEN KESEDARAN "SUKATAN TEPAT, PERNIAGAAN ADIL"

---

1. Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri melalui Unit Sukatan dan Timbangan melancarkan kempen kesedaran "Sukatan Tepat, Perniagaan Adil" (*"Measure right, Trade fair"*) bermula 9 November 2026. Kempen ini bertujuan untuk memastikan setiap alat timbangan dan sukatan yang digunakan untuk berniaga di Negara Brunei Darussalam adalah tepat dan disahkan selaras dengan Akta Timbangan dan Sukatan (Penggal 151).

2. Sukatan yang tepat membantu melindungi pengguna daripada amalan perniagaan yang tidak adil dengan memastikan pengguna membayar mengikut kuantiti sebenar barangan yang diterima. Di samping itu, sukatan yang tepat juga akan menyumbang kepada persaingan yang adil di kalangan peniaga, serta memelihara nilai transaksi dalam sektor industri dan eksport negara.

3. Peraturan-Peraturan Timbangan dan Sukatan (Pengesahan), 1994 di bawah Akta Timbangan dan Sukatan (Penggal 151) menggariskan bahawa setiap alat timbangan dan sukatan yang digunakan bagi tujuan perdagangan hendaklah disahkan dan dicap oleh pemeriksa Unit Sukatan dan Timbangan di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri. Alat-alat tersebut, yang digunakan di kedai, tamu, stesen minyak dan sektor industri, termasuk:

   (a) neraca spring sehingga 200 kg;
   (b) dacing emas;
   (c) alat sukat panjang;
   (d) batu timbang dan pemberat ujian;
   (e) pam minyak;
   (f) alat sukat cecair;
   (g) neraca atau penimbang elektronik sehingga 200 kg;
   (h) meter aliran; dan
   (i) mesin penimbang lain, termasuk jambatan timbang (*weighbridges*).

4. Sempena kempen kesedaran “Sukatan Tepat, Perniagaan Adil”, para peniaga dan syarikat dari pelbagai sektor, termasuk sektor runcit, pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan industri lain berkaitan yang menggunakan alat timbangan dan sukatan bagi tujuan perdagangan diperlukan untuk **mengisytiharkan** alat-alat tersebut **sebelum 1 Januari 2027**. Pengisytiharan boleh dibuat melalui borang pengisytiharan kendiri yang boleh diakses secara dalam talian melalui kod QR di dalam poster kempen serta akaun Instagram rasmi Kementerian @meti_brunei, melalui e-mel sdt@meti.gov.bn atau di kaunter Unit Sukatan dan Timbangan seperti yang tertera dalam poster kempen (**LAMPIRAN 1**, **2**, dan **3**).

5. Unit Sukatan dan Timbangan juga akan menjalankan lawatan pemeriksaan secara berperingkat ke premis perniagaan dan kawasan-kawasan terlibat di semua sektor, serta mengadakan sesi taklimat bersama persatuan perniagaan dan industri.

6. Orang ramai yang mempunyai keraguan mengenai ketepatan alat timbangan atau sukatan di mana-mana premis perniagaan boleh menyalurkan aduan kepada Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel sdt@meti.gov.bn.

7. Orang ramai dan peniaga diingatkan bahawa di bawah Peraturan 3(2), Peraturan-Peraturan Timbangan dan Sukatan (Pengesahan), 1994 (Penggal 151, Rg 1), adalah menjadi satu kesalahan untuk menggunakan atau menyimpan sebarang alat timbangan dan sukatan yang tidak dicap bagi tujuan perdagangan. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000, penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya. Alat tersebut juga boleh disita, dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan yang dibuat menggunakan alat tersebut adalah tidak sah. Di samping itu, di bawah seksyen 11, Akta Timbangan dan Sukatan (Penggal 151), menggunakan atau menyimpan untuk kegunaan dagangan sebarang alat timbangan atau sukatan yang palsu atau tidak tepat adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000 dan penjara selama enam bulan, dan alat tersebut boleh disita.

#####

Disediakan oleh: Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri
E-mel : dca@jpes.gov.bn
Rujukan : (02) JPES/DCA/SDT/Pt.1
Tarikh : 29 Jamadilawal 1448 / 9 November 2026

MEDIA RELEASE
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY
BRUNEI DARUSSALAM

"MEASURE RIGHT, FAIR TRADE" AWARENESS CAMPAIGN

---

1. The Ministry of Economy, Trade and Industry through the Weights and Measures Unit officially launches the "Measure Right, Fair Trade" awareness campaign, commencing on 9 November 2026. The campaign aims to ensure that all weighing and measuring instruments used for trade in Brunei Darussalam are accurate and verified in accordance with the Weights and Measures Act (Chapter 151).

2. Accurate measurements help protect consumers from unfair business practices by ensuring that they pay for the actual quantity of goods received. In addition, accurate measurements contribute to fair competition among businesses and help safeguard the value of commercial transactions in the country's industrial and export sectors.

3. The Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under the Weights and Measures Act (Chapter 151) stipulate that all weighing and measuring instruments used for trade must be verified and stamped by inspectors from the Weights and Measures Unit under the Ministry of Economy, Trade and Industry. The weighing and measuring instruments commonly used in retail premises, markets, petrol stations and industrial sectors, include:

   (a) spring balance with a capacity of up to 200 kg;
   (b) dacing (gold);
   (c) linear measurement;
   (d) counterpoise and test weight;
   (e) petrol pump;
   (f) liquid measurements;
   (g) electronic balance or scales with a capacity of up to 200 kg;
   (h) flow meter; and
   (i) other weighing instruments, including weighbridges.

4. As part of the "Measure Right, Trade Fair" awareness campaign, businesses and companies across various sectors, including retail, manufacturing, construction, transportation and other related industries, that use weighing and measuring instruments for trade are required to **declare** their instruments **by 1 January 2027**. Declarations may be submitted through a self-declaration form which can be accessed via QR code provided in the campaign posters and the Ministry's official Instragram account @meti_brunei. Alternatively, declarations may be submitted via email at sdt@meti.gov.bn or in person at the Weights and Measures Unit counter, as indicated in the campaign posters (**ANNEX 1**, **2**, and **3**).

5. The Weights and Measures Unit will conduct phased inspection visits to business premises and relevant establishments across various sectors, as well as organise briefing sessions with businesses and industy associations.

6. Members of the public who have concerns about the accuracy of weighing or measuring instruments at any business premises may submit their complaints to the Weights and Measures Unit via email at sdt@meti.gov.bn.

7. The public and businesses are reminded that under Regulation 3(2) of the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 (Chapter 151, Rg 1), it is an offence to use or keep any weighing or measuring instrument that has not been stamped for trade purposes. Upon conviction, offenders may be liable to a fine of BND1,000, imprisonment for three months, or both. The instrument may also be seized, and any contract, bargain, sale or transaction conducted using such an instrument shall be deemed invalid. In addition, under Section 11 of the Weights and Measures Act (Chapter 151), it is an offence to use or keep for trade purposes any false or inaccurate weighing or measuring instrument. Upon conviction, offenders may be liable to a fine of BND1,000 and imprisonment for six months. The instrument may also be seized.

#####

Prepared by : Department of Consumer Affairs, Ministry of Economy, Trade and Industry
Email : dca@jpes.gov.bn
Reference : (02) JPES/DCA/SDT/Pt.1
Date : 29 Jamadilawal 1448 / 9 November 2026